

28/05/1997

Tongkah Medivest urus buangan klinikal

Norazmi Abdul Talib

TONGKAH Medivest Sdn Bhd (Tongkah Medivest), anak syarikat Tongkah Holdings Bhd, menjadi syarikat yang berjaya membina loji pelupusan sisa klinikal yang pertama di negara ini, bagi mengendali serta menguruskan buangan klinikal secara teratur.

Ini selaras dengan kesedaran di kalangan rakyat umum terhadap kepentingan buangan klinikal dikendalikan secara lebih teratur dan selamat berikutan merebaknya sindrom daya ketahanan penyakit (Aids) dan beberapa penyakit lain seperti hepatitis. Buangan klinikal adalah sisa yang dihasilkan oleh pusat perubatan, hospital serta klinik seperti tisu manusia, darah, bendalir dari badan, najis, dadah, ubatan yang habis tempoh dan jarum suntikan.

Berikutan itu, pembinaan loji pelupusan sisa klinikal adalah kemudahan infrastruktur terbaru yang disediakan dalam pengurusan sisa klinikal yang selama ini dibuang secara tidak teratur dan mungkin terdedah kepada orang ramai. Loji yang bernilai RM13 juta itu dibina oleh Tongkah Medivest di Bukit Rambai, Melaka dengan mempunyai keupayaan memproses enam metrik tan sisa klinikal sehari dan telah pun mula beroperasi sejak Disember lalu. Pengurusan sisa klinikal itu adalah daripada peringkat penyimpanan, pemungutan, pengangkutan, pembakaran dan pelupusan antara lima perkhidmatan sokongan hospital yang diswastakan oleh kerajaan kepada Tongkah Medivest selama 15 tahun bagi zon Selatan meliputi Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak 1 Januari lalu.

Empat lagi perkhidmatan sokongan hospital yang turut diswastakan ialah pembersihan wad, klinik dan lain kawasan di hospital; pemungutan, pembersihan, penghantaran dan engurusan linen; penjagaan dan penyediaan alat gani bagi alatan mekanikal, sistem elektrik dan kerja kejuruteraan awam; penyenggaraan kejuruteraan bio-perubatan bagi penjagaan alatan diagnosa perubatan, terapeutik, makmal dan peralatan.

Pengerusi Eksekutif serta Ketua Eksekutif Kumpulan Syarikat Tongkah, Mokhzani Mahathir, berkata kerajaan telah menyerahkan kepada tiga syarikat, termasuk Tongkah Medivest, kontrak penswastaaan lima perkhidmatan sokongan hospital, termasuk pengurusan sisa klinikal. Tongkah Medivest dikhususkan untuk mengambilalih perkhidmatan sokongan 19 hospital di zon Selatan iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

"Tongkah Medivest bangga menjadi syarikat yang berkemampuan menawarkan perkhidmatan pengurusan sisa klinikal di negara ini dengan pembinaan loji pelupusan sisa klinikal di kawasan seluas 0.8 hektar di Bukit Rambai," katanya di majlis perasmian loji itu, baru-baru ini.

Loji pelulusan sisa klinikal Tongkah Medivest dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Abu Bakar Daud, yang mewakili Menterinya, Datuk Law Hieng Ding.

Mokhzani berkata, loji itu adalah yang pertama di negara ini diluluskan dengan menggunakan peralatan kawalan pencemaran udara yang canggih kerana memenuhi piawaian kawalan pengeluaran udara antarabangsa.

"Perkhidmatan Tongkah Medivest bukan hanya terhad kepada hospital kerajaan tetapi juga meliputi pusat perubatan serta makmal swasta dan pembekal bahan farmasutikal dari kawasan Lembah Kelang hingga ke Johor Bahru," katanya.

Menurutnya, empat lori sembilan tan telah diubahsuai bagi digunakan untuk mengangkut sisa klinikal sekitar Lembah Klang dan zon Selatan untuk dilupuskan di loji itu yang beroperasi 24 jam.

Selain itu, katanya, Kumpulan Tongkah melalui syarikat subsidiari meneroka bidang pembuatan peralatan bahan buangan, iaitu mengadakan usahasama dengan OTTO Holding International, konglomerat Eropah yang terbabit dalam pembuatan dan pengurusan sistem penlupusan bahan buangan.

Katanya, Tongkah-OTTO (M) Sdn Bhd telah memulakan operasi menghasilkan tong sampah beroda dengan mendirikan kilang bernilai RM35 juta di kawasan perindustrian Bukit Tengah, Pulau Pinang.

"Syarikat ini mengeluarkan tong sampah berdua dua dan empat yang dipasarkan di seluruh negara dan Asean. Rekabentuk produk ini juga disesuaikan memenuhi spesifikasi projek pengendalian sisa buangan kebangsaan," katanya.

Menurutnya, secara tidak langsung, usaha sama Tongkah-OTTO telah membantu membekalkan Tongkah Medivest dengan bekas untuk mengangkut sisa buangan klinikal dari hospital ke loji pelupusan sisa klinikal. Kajian kerajaan pada 1992, mendapati sisa klinikal yang dihasilkan oleh hospital kerajaan di seluruh negara dianggarkan 4,200 metrik tan setahun. Jumlah itu pasti meningkat berdasarkan pertambahan populasi dan juga permintaan keperluan serta perkhidmatan perubatan yang bertambah.

"Kerajaan berharap dengan adanya loji ini, tahap pengendalian buangan klinikal dari hospital akan bertambah baik dan lebih selamat sejajar dengan hasrat mempertingkatkan mutu perkhidmatan kesihatan orang awam ke tahap yang lebih tinggi di negara ini," katanya.

"Tongkah Medivest akan memberi perhatian serius kepada operasi serta pengurusan loji pelupusan sisa klinikal supaya tidak menimbulkan sebarang kesan yang tidak diingini.

"Kita tidak mahu berlaku keadaan di mana penyelesaian kepada satu masalah menimbulkan pula masalah yang lain tetapi yang menghadapinya kita juga," katanya.

(END)